	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 1/20</b>
		<b>PINDAAN : 2</b>


## PROSEDUR UTAMA

**MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**

### **PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN**

#### **MDKT-CUKAI-01**

<b>DISEDIAKAN OLEH:</b>	<b>DILULUSKAN OLEH:</b>
<b>NAMA:</b>	<b>NAMA:</b>
<b>JAWATAN:</b>	<b>JAWATAN:</b>

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 2/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>

## 1. OBJEKTIF

Memastikan prosedur pindaan ke atas senarai nilai dilakukan dalam tempoh 6 (enam) bulan selepas CCC/CFO dikeluarkan.


## 2. SKOP PELAKSANAAN

Prosedur ini digunapakai bagi membuat Pindaan Ke Atas Senarai Nilai berdasarkan Nilai Tambah sesuatu pegangan apabila berlaku sebarang perubahan/tambahan pegangan tersebut dalam tempoh 6 (enam) bulan selepas CCC/CFO dikeluarkan berdasarkan Seksyen 144, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pegangan yang meliputi seperti berikut :-

- a) Jenis kegunaan tanah/pegangan
  - i) Kediaman
  - ii) Perdagangan
  - iii) Perindustrian
  
- b) Jenis pembangunan
  - i) Bangunan baru
  - ii) Bangunan sediada
  - iii) Bangunan roboh/terbakar
  - iv) Pecah sempadan (lot-lot baru)

## 3. RUJUKAN

- 3.1 - Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171
- 3.2 - Pengendalian Bantahan Terhadap Nilai

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 3/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>

## **4. DEFINISI**

### **4.1 PINDAAN KE ATAS SENARAI NILAIAN**

Kerja-kerja penilaian ke atas pegangan berkadar bagi menentukan nilai tambah mengikut pindaan pada perubahan yang dibuat ke atas sesuatu pegangan.

### **4.2 TANAH KOSONG**

Mengenai mana-mana tanah:

- a) Yang sebahagiannya diduduki atau sebahagian ada apa-apa binaan di atasnya.
- b) Yang kosong, tidak diduduki atau tidak ada apa-apa binaan di atasnya
- c) Yang ada di atasnya suatu bangunan-bangunan yang belum siap atau;
- d) Yang ada di atasnya suatu bangunan yang telah diperakui oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebagai ditinggalkan atau buruk atau tidak layak untuk kediaman manusia.

### **4.3 UKURPERIKSA**


Melawat tapak pegangan harta bagi tujuan mengukur bangunan untuk tujuan pindaan senarai nilai.

### **4.4 PENYATA PEMILIK**

Penyata yang diberikan kepada pemilik harta bagi tujuan diisytiharkan segala maklumat mengenai harta yang telah diukurperiksa sebagaimana Seksyen 140 (Akta 171).

### **4.5 NILAIAN HARTA**

Kaedah yang digunakan dalam mentaksir pegangan berkadar dan dinilai mengikut aras nilai tambah yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 4/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>

#### 4.6 **PEGANGAN BERKADAR**

Mana-mana tanah yang ada atau tidak ada bangunan-bangunan di atasnya, yang pegangan di bawah suatu dokumen hakmilik yang berasingan dan mengenai bangunan-bangunan yang dipecahbagi, ertinya pegangan bersama dan mana-mana petaknya dan mengenai Pulau Pinang dan Melaka, “pegangan” termasuklah mesuaj, bangunan, ismen dan hereditaman dari apa-apa pemegangan, sama ada terdedah atau terkepong, sama ada awam atau persendirian dan sama ada disenggara dibawah Pihak Berkuasa Tempatan atau tidak.

#### 4.7 **PELAN BANGUNAN**

Pelan bangunan yang telah diluluskan oleh Majlis Daerah Kota Tinggi untuk dijadikan rujukan proses penilaian bagi tujuan dikenakan cukai harta.

#### 4.8 **MESYUARAT JAWANKUASA PENILAIAN DAN CUKAI HARTA**


Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua dan ahli-ahlinya terdiri daripada Setiausaha, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Ex-Officio dan semua Ketua Jabatan Majlis Daerah Kota Tinggi bertujuan pertimbangan serta meluluskan nilai harta dan cukai harta yang dikenakan ke atas pegangan yang telah dinilai.

#### 4.9 **MESYUARAT PENUH MAJLIS**

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis dan dihadiri oleh Setiausaha, semua Ahli Majlis, Ex-Officio dan semua Ketua Jabatan Majlis Daerah Kota Tinggi bertujuan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Cukai Harta.

#### 4.10 **NOTIS PINDAAN SENARAI NILAIAN**

Notis yang dikemukakan kepada pemilik pegangan mengenai nilai yang dikenakan ke atas hartanya dan jumlah cukai harta yang perlu dijelaskan.

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 5/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>

#### 4.11 **BANTAHAN**

Seseorang yang terkilan atas mana-mana daripada alasan-alasan yang berikut:-

- a) bahawa sesuatu pegangan yang baginya ia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;
- b) bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;
- c) bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam senarai penilaian itu adalah ditinggalkan daripadanya;
- d) bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar atau;
- e) bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain.


Boleh membuat bantahan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Tempatan pada bila-bila masa tidak kurang daripada 10 hari sebelum masa yang ditetapkan dalam notis itu dan hendaklah diberi peluang untuk didengar sendiri atau melalui seseorang ejen yang diberikuasa sebagaimana Seksyen 142, Akta 171.

#### 4.12 **SURAT PANGGILAN BANTAHAN**

Surat yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Daerah Kota Tinggi kepada pemilik pegangan yang menghendaki mereka hadir bagi menjelaskan bantahan yang dikemukakan untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bantahan.

#### 4.13 **SURAT KEPUTUSAN MESYUARAT BANTAHAN**

Surat yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Daerah Kota Tinggi kepada pemilik pegangan mengenai keputusan bantahan.

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 6/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>

**4.14 SISTEM ePBT**

Sistem yang digunapakai bagi taksiran harta yang terdapat di dalamnya penjanaaan bil-bil cukai harta dan mengemaskini akaun pemilik-pemilik pegangan.

**4.15 BIL CUKAI HARTA**

Bil-bil yang dikeluarkan setiap tahun bagi setengah tahun pertama iaitu 1 Januari hingga 28 Februari dan setengah tahun kedua iaitu dari 1 Julai hingga 31 Ogos kepada pembayar-pembayar cukai.

**4.16 BANGUNAN BARU**

Bangunan yang telah dikeluarkan CCC/CFO atau mana-mana bangunan yang telah diduduki.

**4.17 PERUBAHAN BANGUNAN**

Merupakan bangunan sedia ada yang dibuat kerja-kerja tambahan dan pengubahsuaian.

**4.18 BANGUNAN TERBAKAR / ROBOH**


Merupakan bangunan sedia ada yang telah dirobohkan/terbakar.

**4.19 PECAH SEMPADAN (LOT-LOT BARU)**

Merupakan sesuatu lot besar yang telah dipecahbagagi kepada beberapa lot-lot yang kecil.

**4.20 PENDUDUK**

Penduduk ialah orang yang menduduki premis atau yang berkuasa menjaga, mengurus atau mengawalnya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai agen seorang lain tetapi tidak termasuk seseorang penumpang.

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 7/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>

#### 4.21 **HARTA KHAS (SPECIAL PROPERTIES)**

Meliputi harta-harta khas seperti loji air, ladang, loji penapisan minyak, padang golf.

#### 4.22 **PEMUNYA**

- a. Berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan ertinya tuanpunya berdaftar tanah itu dan jika pada pendapat Pihak Berkuasa Tempatan, tuanpunya berdaftar tanah itu tidak dapat dikesan, ertinya orang yang pada masa itu menerima sewa bagi premis yang berkaitan dengannya perkataan itu digunakan sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau yang akan menerima sewa itu jika premis itu disewakan kepada seorang penyewa dan;
- b. Mengenai bangunan-bangunan yang dipecahbagi termasuklah Perbadanan Pengurusan dan mana-mana tuanpunya subsidiari.

#### 4.23 **NILAI TAMBAH**


Harga yang seorang pemunya sanggup dan tidak berkewajipan untuk menjual, boleh mengharap secara berpatutan mendapat daripada seorang pembeli yang sanggup membeli dengannya pemunya itu sedang berunding, tentang penjualan dan pembelian pegangan itu.

#### 4.24 **SENARAI NILAIAN**

Senarai nilai yang diluluskan dan digunapakai iaitu Aras Nilai tahun 2013

#### 4.25 **YANG DIPERTUA**

Orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua suatu Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dengan sah di sisi Undang-Undang.

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 8/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>


**4.26 SETIAUSAHA**

Ketua Pegawai Pentadbir yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan Ketua Pegawai Pentadbir dengan sah di sisi Undang-Undang.

**4.27 PEGAWAI PENILAIAN**

Mana-mana Pegawai Penilaian yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Tempatan.




	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 9/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>

## 5. SINGKATAN

MDKT	-	Majlis Daerah Kota Tinggi
YDP	-	Yang Dipertua Majlis
SU	-	Setiausaha Majlis
KJP	-	Ketua Jabatan Penilaian.
PPP	-	Penolong Pegawai Penilai
PP	-	Pembantu Penilaian

## 6. TANGGUNGJAWAB

<b>JAWATAN</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
YDP	- Memantau dan meluluskan segala perkara yang berkaitan dengan pindaan senarai nilai.
SU	- Membantu Yang Dipertua memantau dan meluluskan serta menyokong perkara yang berkaitan dengan pindaan senarai nilai.
KJP	- Membentangkan laporan pindaan senarai nilai untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Cukai Harta.

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 09 OGOS 2020
		Muka Surat: 10/20
		PINDAAN: 2

## 7. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Tanggungjawab	Tindakan
	<b>PERANCANGAN</b>
PPP/PP	a. Mengumpul maklumat-maklumat berkaitan dengan jumlah permohonan untuk tindakan pindaan ke atas senarai nilai bagi pegangan baru, pegangan sedia ada dan bangunan terbakar/robah. Data tersebut merangkumi jumlah permohonan dan permohonan yang tertunggak.
PP	b. Menyediakan laporan lengkap untuk Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Cukai Harta. Laporan akhir tahunan akan disediakan bagi tujuan perancangan untuk tahun berikutnya.
KJP	c. Laporan senarai nilai perlu diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Cukai Harta dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis dan ianya direkodkan.
KJP	Menerima permohonan atau Borang F di dalam kawasan Pentadbiran Majlis untuk tindakan pindaan ke atas senarai nilai. Menyemak maklumat tersebut bagi menentukan jenis perubahan.
PPP/PP	Menyediakan Fail Kawalan mengikut kawasan/taman yang meliputi pegangan harta subjek.  Menyediakan laporan senarai nilai berdasarkan Fail Kawalan yang telah disediakan. Rujuk <i>MDKT/CAKAI.01 L 01</i>
PP	Laporan senarai nilai yang telah siap akan disemak oleh PPP. Sekiranya tidak berpuas hati, minta PP buat pembedulan. Sekiranya



**PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN  
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**

**Tarikh : 09 OGOS 2020**

**Muka Surat: 11/20**

**PINDAAN: 2**

**KJP**

berpuas hati, majukan laporan senarai nilaiian untuk pengesahan KJP.

Laporan senarai nilaiian yang disahkan oleh KJP akan dibawa untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Cukai Harta.

Laporan senarai nilaiian dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Cukai Harta untuk kelulusan

Dapatkan pengesahan laporan senarai nilaiian dalam Mesyuarat Penuh Majlis.

**PP**

Kemaskini data penilaian berdasarkan laporan senarai nilaiian yang telah disahkan dalam sistem yang digunapakai oleh pihak Majlis.


Sediakan notis pemberitahuan senarai nilaiian dan hantar kepada pemilik pegangan.

Simpan laporan senarai nilaiian dalam 'Ring File' dan dilabel untuk tujuan rekod.


Menggunapakai senarai nilaiian yang baru pada penggal yang berikutnya.

Penilaian:

- a. Penilaian dan pemantauan proses ke atas senarai nilaiian akan dibuat pada setiap 6 (enam) bulan.
- b. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan
  - i) Bilangan permohonan

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 12/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>

	<ul style="list-style-type: none"><li>i) Aduan pelanggan</li><li>ii) Pencapaian Objektif kualiti</li></ul> <p>b. Keberkesanan proses:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Sebarang penilaian yang membuktikan ketakakuran perlu dijalankan. Tindakan pembetulan dan pencegahan akan dijalankan supaya mengelak berlakunya ketakakuran.</li><li>ii) Laporan senarai nilai akan direkod dan diselenggarakan bagi tujuan perancangan.</li></ul>
--	---


	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 13/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>


## 8. REKOD KUALITI

Bil.	Rekod	Tempoh	Tempat
8.1	Fail kawalan	Kekal	JPPH
8.2	Laporan senarai nilai	Kekal	JPPH
8.3	Keputusan mesyuarat penuh	Kekal	JPPH
8.4	Notis pindaan senarai nilai	Kekal	JPPH
8.5	Penyata pemilik	Kekal	JPPH

## 9. LAMPIRAN

Bil.	Lampiran	Rujukan
9.1	Laporan senarai nilai	MDKT/CUKAI.01 L 01
9.2	Notis pindaan senarai nilai	MDKT/CUKAI.01 L 02
9.3	Penyata pemilik	MDKT/CUKAI.01 L 03

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 14/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>

**10. CARTA ALIR**





**PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN  
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**

**Tarikh : 09 OGOS 2020**

**Muka Surat: 16/20**

**PINDAAN: 2**



**PEJABAT MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**

JALAN PADANG  
81900 KOTA TINGGI  
JOHOR

TEL: 07-8831004 / 07-8834558  
FAX: 07-8834015

MDKT/CUKAI.01 L02

No.Rujukan : MDKT/CT/PTB00000  
No.Akaun : 0000 0000 0000  
Tarikh : 00/00/0000

- NAMA PEMILIK PEGANGAN -
- ALAMAT SURAT MENYURAT -

Tuan/Puan,

**NOTIS PINDAAN SENARAI NILAIAN (AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 – SEKSYEN 144 )**


Mengikut Seksyen 144 (2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan ini diberitahu iaitu suatu Pindaan Senarai Nilai telah diluluskan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis Daerah Kota Tinggi Bil : 00/0000 bertarikh : 00/00/0000 telah bersetuju dengan pindaan senarai nilai bagi harta yang tersebut di bawah ini.

2. Mengikut Seksyen 144 (3), seseorang yang terkilan dan tidak berpuashati dengan pindaan Kepada nilai di atas mana-mana alasan yang dinyatakan dalam Seksyen 142, boleh membuat bantahan secara bertulis kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kota Tinggi dan bantahan hendaklah sampai kepada Majlis pada atau sebelum 00/00/0000.
3. Mengikut Seksyen 133, cukai harta hendaklah dibayar terlebih dahulu tiap-tiap setengah tahun pertama dalam bulan Januari dan tiap-tiap setengah tahun kedua dalam bulan Julai bagi tiap-tiap tahun yang berkenaan.
4. Nilai dan cukai tuan/puan telah dipinda sebagaimana berikut;


Alamat Harta	Perkara	Nilai Baru	Nilai Sediada
	NILAI TAMBAH KADAR CUKAI HARTA SETAHUN JUMLAH KENAIKKAN CUKAI SETAHUN PENGGAL KUATKUASA		


**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI**  
(CETAKAN KOMPUTER INI TIDAK MEMERLUKAN TANDATANGAN)



	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 09 OGOS 2020
		Muka Surat: 17/20
		PINDAAN: 2


MDKT/CUKAI.01 L 03

 MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI BAHAGIAN PENILAIAN JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA <b>PENYATA PEMILIK</b>			
NAMA PEMILIK	:	_____	
NAMA PEMAJU	:	_____	
ALAMAT SURAT MENYURAT	:	_____	
NAMA PROJEK	:	_____	
FASA	:	_____	
BIL	JENIS PEMBINAAN	HARGA KOS BINAAN	CATITAN
1.	Penyediaan a.Kos merata dan pembersihan tapak b.Kos pemotongan dan menambun tanah	RM _____ RM _____	Luas projek : _____ Se meter padu : RM _____
2.	Survey a.Kos belah bagi / ubah syarat b.Kos jurukur (surveyors fees)	RM _____ RM _____	Bil unit : _____
3.	Kos pembinaan bangunan a. b. c. d.	RM _____ RM _____ RM _____ RM _____	

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 09 OGOS 2020
		Muka Surat: 18/20
		PINDAAN: 2

MDKT/CUKAI.01 L 03

BIL	JENIS PEMBINAAN	HARGA KOS BINAAN	CATITAN
4.0	Kos infrastruktur		
	a.Kos pembinaan jalan	RM _____	Panjang : Lebar :
	b.Kos pembinaan parit	RM _____	Panjang : Lebar :
	c.Kos pembentungan	RM _____	Panjang : Lebar :
	d.Kos pembentungan		
	- Tiang lampu	RM _____	
	- Kabel	RM _____	
	- Suis	RM _____	
	- Transformor	RM _____	
	e.Kos pencawang elektrik		
	- Rumah substation	RM _____	
	- Switch gear	RM _____	
	- Transformor	RM _____	
	f.kos pembekalan air / Pemasangan paip	RM _____	
	g.Kos tangki air	RM _____	Jenis tangki : Saiz tangki : Muatan tangki :
	h.Kos talian telefon	RM _____	
	i.Kos kolam pengoksidaan	RM _____	Luas : Panjang : Lebar :
5.	Bayaran ikhtisas		
	a.Bayaran peguam	RM _____	
	b.Bayaran jurutera	RM _____	
	c.Bayaran arkitek	RM _____	
	d.Lain-lain bayaran	RM _____	
6.	Kos pengiklanan	RM _____	
7.	Kos senitaman (landscape)		Luas kawasan
	a.Kawasan lapang	RM _____	_____
	b.Kawasan permainan	RM _____	_____


	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN</b> <b>MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	Tarikh : 09 OGOS 2020
		Muka Surat: 19/20
		PINDAAN: 2

MDKT/CUKAI.01 L 03

BIL	JENIS PEMBINAAN	HARGA KOS BINAAN	CATITAN
8.	Sumbangan kepada (contribution to) a.Tenaga Nasional Berhad b.Jabatan Parit dan Saliran c.Telekom Malaysia Berhad d.Syarikat Air Johor	RM _____ RM _____ RM _____ RM _____	
9.	Kos luar jangka (contingencies)	RM _____	
10.	Keuntungan / kerugian	RM _____	
11.	Lain-lain kos (jika ada) a. b. c. d. e.	RM _____ RM _____ RM _____ RM _____ RM _____	
JUMLAH KESELURUHAN		RM _____	

Catatan :

- 1.Tempoh pelaksanaan projek : \_\_\_\_\_
- 2.Tarikh kontrak ditandatangani : \_\_\_\_\_
- 3.Tarikh projek dijangka siap : \_\_\_\_\_
- 4.Sila sertakan risalah (brosur) jika ada

	<b>PROSEDUR PINDAAN SENARAI NILAIAN MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI</b>	<b>Tarikh : 09 OGOS 2020</b>
		<b>Muka Surat: 20/20</b>
		<b>PINDAAN: 2</b>

MDKT/CUKAI.01 L 03

**PENGAKUAN**

Saya / Kami dengan ini MENGAKU bahawa segala keterangan-keterangan yang diberikan itu semuanya adalah benar, lengkap dan betul

Tandatangan \_\_\_\_\_  
/ cop Syarikat

Tarikh \_\_\_\_\_

a. Penyata yang telah dipenuhisi hendaklah dikembalikan kepada;

BAHAGIAN PENILAIAN  
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA  
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI  
JALAN PADANG  
81900 KOTA TINGGI, JOHOR

b. Sila kembalikan penyata ini dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh penyata ini diterima.

c. Kegagalan mengembalikan penyata ini, pihak tuan akan dikenakan denda kompaun tidak lebih RM500.00 atau di bawa ke mahkamah yang mana sekiranya disabitkan, pihak tuan boleh didenda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak lebih enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali.